

**NO. SOALAN : 458**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI**  
**[ GOMBAK ]**

**Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [ Gombak ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah senarai bentuk dan nilai aset FELDA yang telah dikenalpasti untuk dijual bagi menstabilkan aliran tunai.**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, FELDA hanya melakukan transaksi penjualan saham Maybank sebanyak 35 juta unit pada harga RM8.05 sesaham yang telah dilaksanakan pada 16 Januari 2017 dengan jumlah nilai RM280 juta. FELDA masih lagi belum menjual aset-aset miliknya. Walau bagaimanapun, cadangan bagi penjualan aset-aset milik FELDA ini masih lagi dalam kajian untuk dipertimbangkan.

Sekian. Terima kasih.